

Pil hormon susu galak wanita membujang

B.H m/s 6 3.1.07

Kehadiran anak tanpa bapa jejas institusi kekeluargaan

Oleh Sazarina Shahrim

KUALA LUMPUR: Lebih ramai wanita dikhuatiri akan memilih untuk terus membujang daripada berkahwin jika isu kecenderungan wanita bujang mengambil pil untuk menyusukan bayi angkat mereka tidak diatasi segera.

Perkembangan ini akan memberi kesan buruk kepada institusi kekeluargaan di Malaysia terutama apabila lebih ramai kanak-kanak dibesarkan tanpa kehadiran bapa, sekali gus dikategorikan sebagai berisiko tinggi untuk perkembangan mereka.

Naib Presiden (Hal Ehwal Wanita), Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim), Dr Mastura Badzis, berkata pelbagai kesan negatif akan timbul jika ramai wanita memilih cara itu daripada mendirikan rumah tangga dan mendapat zuriat sendiri.

“Mungkin niat mereka baik, namun Islam menggalakkan perkahwinan dan wanita akan mendapat pahala banyak jika dapat berbakti kepada suami.

“Secara semula jadi, wanita memerlukan lelaki dan anak memerlukan ibu dan bapa. Jika salah satu itu tiada, maka berkemungkinan pincang keluarga itu,” katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Kelmarin, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, berkata tindakan wanita profesional yang belum berkahwin mengambil pil hormon supaya mereka dapat

“Tindakan itu bertentangan dengan syariah Islam jika wanita melakukannya supaya tidak perlu kahwin”

Harussani Zakaria
Mufti Perak

menyusukan bayi angkat, boleh meruntuhkan institusi keluarga dalam masyarakat negara ini.

Justeru, katanya lagi, satu kajian terperinci perlu dilakukan termasuk mengenal pasti risiko yang dihadapi wanita terbabit apabila memakan pil berkenaan.

Sementara itu, Mufti Perak, Datuk Seri Harussani Zakaria, berkata Islam tidak menghalang wanita belum berkahwin mengambil pil untuk menyusukan anak angkat mereka kerana ia tidak bertentangan dengan agama.

Bagaimanapun, katanya, tindakan itu bertentangan dengan syariah Islam jika wanita bujang melakukannya supaya tidak perlu mendirikan rumah tangga.

“Ia salah kalau mereka ada niat tidak mahu berkahwin dan lebih rela mengambil anak angkat dan menyusukan mereka,” katanya.

Namun, beliau tidak menafikan wanita sama ada bujang mahupun sudah berkahwin berhak untuk memberi susu badan mereka sendiri

kepada anak angkat masing-masing.

Presiden Persatuan Kesihatan Ibu dan Bayi Malaysia (Mamaneh), Prof Dr Nik Mohd Nasri Ismail, berkata tindakan wanita bujang mengambil pil supaya dapat menyusukan bayi angkat mereka, tidak akan menjejaskan kesihatan.

Bagaimanapun, pengambilan pil itu tidak memberi kesan kepada semua wanita bujang untuk menghasilkan susu kerana ia bergantung kepada keadaan fizikal serta daya ketahanan badan masing-masing.

Katanya, antara pil sering digunakan adalah ‘maxolon’ yang dapat merangsang pengeluaran susu badan tetapi tidak akan memberi sebarang kesan kepada penggunaanya.

“Pil ini sebenarnya adalah untuk tahan loya atau muntah dan kesan sampingannya adalah merangsang sedikit pengeluaran susu badan. Ia bukanlah pil yang diharamkan.

“Biasanya satu biji pil boleh digunakan untuk tiga kali penyusuan tetapi jumlahnya tidak seperti ibu baru melahirkan anak,” katanya.